

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PUSAT PENYELIDIKAN
ARKEOLOGI MALAYSIA
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
20 JULAI 2000

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia (USM) kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan bangunan pusat penyelidikan arkeologi malaysia, pada pagi ini. Saya merasa bangga kerana dapat menyaksikan kewujudan pusat arkeologi sebagai pusat kecemerlangan universiti, yang telah memberi banyak sumbangan yang tidak ternilai kepada ilmu sejarah silam negara dan bangsa di samping telah dapat meningkatkan kedudukan arkeologi malaysia di arena antarabangsa.

2. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Dato' Professor Zuraina sebentar tadi, saya masih ingat pada tahun 70an, kita di Malaysia tidak mempunyai seorangpun pakar tempatan dalam bidang arkeologi dan terpaksa bergantung pada hasil tulisan orang asing terutama pakar british untuk menulis mengenai arkeologi negara kita. Dan sepuluh tahun lalu dalam satu temuramah beliau telah menyatakan bahawa misi beliau ialah mewujudkan sebuah pusat arkeologi yang akan mempunyai ramai saintis dari pelbagai bidang yang menghasilkan pengetahuan tentang prasejarah negara. Alhamdulillah, misi beliau itu tercapai dan saya turut merasa gembira dapat menyaksikannya. Saya ucapkan syabas kepada Dato' Prof. Zuraina.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada USM yang telah mengambil langkah perintis 13 tahun dahulu untuk memperkembangan arkeologi sebagai satu disiplin dan penyelidikan sehingga wujudnya satu pusat yang terunggul di negara kita. Saya difahamkan bahawa hasil kajian arkeologi oleh universiti ini di Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak telah dapat membantu meningkatkan maklumat pameran di muzium-muzium serta menambahkan lagi buku- buku mengenai sejarah negara ini.

4. Universiti Sains Malaysia telah mengambil langkah bijak memperkenalkan bidang arkeologi. ini boleh dilihat sebagai sehaluan dengan hasrat kerajaan untuk memperkembangkan sains dan teknologi. Arkeologi adalah satu explorasi saintifik yang mengaplikasikan teknologi sains untuk mengetahui tentang perkembangan manusia dan kehidupannya. Aplikasi teknologi baru ke atas artifak arkeologi boleh menghasilkan banyak fakta. di negara maju, misalnya, banyak teknologi canggih dan terkini digunakan. Contohnya, bagi membina semula badan manusia dan dinosor (dengan isi dan otot) daripada hanya rangka tulang sahaja. Rangka terkemuka kita, Perak man, pun boleh dibuat sedemikian. Yang perlu ada pada kita ialah pengetahuan untuk berbuat demikian dan saya percaya pusat arkeologi mampu melakukannya dengan kepakaran yang sedia ada.

5. Pada zaman ini, pendidikan harus bercorak holistik iaitu komprehensif yang merangkumi aspek-aspek sastera, sains dan teknologi. Arkeologi adalah satu-satunya bidang yang merangkumi kesemuanya ini iaitu yang menggunakan pendekatan sastera dan sains. Sebenarnya kita perlu mengetahui lebih lagi tentang prasejarah kita dan ini hanya boleh diketahui melalui arkeologi yang boleh mendedahkan bukti dan pengetahuan tentang masa silam kita.

6. Memandangkan ini adalah satu-satunya pusat arkeologi di negara kita dan demi menggalakkan lagi para saintis pusat ini meneruskan kecemerlangan mereka, saya cadangkan supaya ia dipertingkatkan kepada sebuah pusat tersendiri, di peringkat nasional, seperti yang terdapat di negara-negara jiran.

7. Pendidikan dan ilmu berperanan penting dalam menentukan pencapaian hala tuju wawasan negara. Abad ke- 21 adalah abad pengetahuan dan maklumat memainkan peranan dominan dan kritikal. Kini maklumat dapat diperolehi dengan mudah dihujung-hujung jari. Maka para pensyarah hari ini mempunyai tanggungjawab dan peranan yang amat mencabar dan berat. Mereka bukan sahaja terpaksa mengajar tetapi perlu juga terlibat dalam kerja- kerja R&D untuk menerokai ilmu sebanyak mungkin. Saya percaya masih banyak lagi yang boleh dilakukan dan yang perlu ialah dorongan dan pengiktirafan sewajarnya harus diberi kepada mereka yang berjaya. Janganlah kita melihat segala peraturan yang ada di universiti sebagai halangan dan dianggap tidak memberi kebebasan kepada para pensyarah untuk memajukan dunia akademik di universiti. Tidak kurang juga yang mendakwa dunia akademik hari ini sudah hilang taring dan bisanya kerana dikongkong. Bagi saya ini hanyalah andaian semata-mata dengan tujuan untuk melindungi segala kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri sendiri.

8. Sebenarnya kita lupa yang kita mempunyai tanggungjawab yang besar di hadapan kita iaitu menunaikan tanggungjawab kita dengan sempurna, menunaikan amanah untuk menguasai ilmu sepenuhnya malah membuktikan kewibawaan kita untuk menjadi pemimpin dalam bidang keilmuan. Sarjana yang dihormati bukan saja sarjana yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi mampu pula mempengaruhi masyarakat ke arah pembangunan bangsa dan negara yang sewajarnya. Oleh itu terimalah hakikat bahawa saudara-saudari sebenarnya masih bebas untuk memajukan dunia akademik di universiti. Berusahalah untuk meningkatkan usaha bagi menghasilkan penemuan-penemuan yang hebat dalam bidang ilmu masing-masing. Laksanakannya dengan secara jujur dan bertanggungjawab. Kita perlu akui bahawa bidang R&D sebenarnya masih belum mencapai tahap yang kita harapkan.

9. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa maklumat boleh diperolehi dengan mudah di hujung-hujung jari. Malangnya semakin mudah kita memperoleh maklumat semakin bertambah pula manipulasi yang dilakukan. internet kini diperalatkan untuk penyebaran bahan-bahan yang mengandungi fitnah. Mereka yang taksub begitu mudah menerima cerita-cerita buruk kerajaan dengan menolak betapa sekalipun kebenaran fakta yang menceritakan kebaikan kerajaan dan negara. Sebenarnya fenomena ini adalah bercanggah sama sekali dengan sifat-sifat yang sepatutnya dicerminkan oleh orang-orang yang berilmu. Penyebaran fitnah yang menyatakan peristiwa di Sauk yang melibatkan kumpulan penjenayah dan perompak dikatakan sebagai sandiwara Umno dan kerajaan. Ini tidak betul samasekali. Oleh itu para ilmuan tulin dan sejati perlulah mengambil langkah segera membendung budaya pemalsuan fakta ini dari terus merebak dan meracuni fikiran pelajar dan rakyat.

10. Universiti seharusnya memainkan peranan untuk memenuhi agenda nasional. Ia sewajarnya memainkan peranan untuk meneruskan budaya menyediakan persekitaran yang menghargai dunia ilmu di samping peranan sebagai pusat penyebar ilmu. Pusat arkeologi malaysia ini boleh dikategorikan sebagai pusat penyebar ilmu kerana peranannya bukan sahaja sebagai pusat kajian prasejarah negara tetapi turut juga mendedahkan hasil penemuan mereka untuk pengetahuan

masyarakat yang amat tinggi nilainya.

11. Terimalah hakikat bahawa kita mempunyai tanggungjawab besar dalam pembangunan bangsa dan negara ini. Kita juga mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan jiwa rakyat untuk membawa kita ke arah wawasan yang ingin kita capai itu Wawasan 2020.

12. Maka dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan bangunan Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia.

Terima kasih.